

11 OCT 1996

Umno-Mula

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO MASUK HARI KEDUA

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Perhimpunan Agung Umno yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini masuk hari kedua hari ini selepas pemilihan untuk mengisi jawatan-jawatan utama parti diadakan semalam.

Para perwakilan hari ini menyambung perbahasan terhadap usul ucapan terima kasih ke atas ucapan dasar Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sewaktu merasmikan perhimpunan itu.

Usul itu dibentangkan wakil Pahang Datuk Adnan Yaakob dan disokong Datuk Mufti Shuib dari Selangor.

Sebanyak lapan perwakilan masing-masing dari Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Perak, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan telah membahaskan usul itu.

Wakil Melaka Datuk Haji Abdul Aziz Tapa menyambung semula perbahasan pagi ini.

Dr Mahathir dijadualkan melawat pameran fotografi yang dianjurkan oleh akhbar The New Straits Times.

Setiausaha Agung Umno Datuk Mohamed Rahmat dijadual mengadakan persidangan berita untuk mengumumkan keputusan penuh pemilihan naib presiden, Majlis Tertinggi (MT) dan Pergerakan Pemuda dan Wanita.

Pengerusi Tetap Umno Tan Sri Sulaiman Ninam Shah semalam hanya mengumumkan nama dan jumlah undi yang diperolehi tiga daripada tujuh calon yang bertanding jawatan naib presiden dan 25 nama anggota MT yang dipilih.

Keputusan 30 calon MT yang turut bertanding belum diumumkan.

Selain itu, keputusan penuh Exco Pemuda dan Wanita yang melibatkan 45 calon Pemuda dan 15 Wanita juga belum diumumkan. -- BERNAMA

MAM HS